| BIL | BUTIRAN KERJA | UNIT | KUANTITI (a) | KADAR (RM) (b) | JUMLAH HARGA (RM) (c = a x b) |
|---|---|---|---|---|---|
| 3.0 | **PAMERAN BONSAI** | | | | |
| | Mengurus, membekal, merekabentuk dan menyediakan Pameran Bonsai dengan 100 - 120 nos bonsai lengkap dengan peraturan, jemputan dan lain -lain keperluan termasuk pengangkutan, pekerja, peralatan dan lain-lain keperluan tertakluk kepada kelulusan pihak Perbadanan Putrajaya. | Sum | 1 | 90,000.00 | 90,000.00 |
| | i. 100 - 120 nos bonsai | | | | |
| | ii. Tenaga kerja untuk pengisian, penyusunan dan penyiraman | | | | |
| | iii. Pengangkutan dan elaun pemandu untuk penghantaran pokok | | | | |
| | *iv. Penyelenggaraan dan keselamatan* | | | | |
| | *v. Pencahayaan* | | | | |
| | *vi. Lain-lain keperluan berkaitan* | | | | |
| | **TO COLLECTION (PB 2/2 )** | | | | 90,000.00 |

PANCARAN ... 1073351-... (stamp)

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**BILL OF QUANTITIES**

**CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**NO. SEBUT HARGA : PPJ/SH(S)/JL/86/2023**

*Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam harga butiran-butiran lain. Kontraktor adalah dianggap telah memahami syarat-syarat tender dan spesifikasi untuk memastikan setiap bekalan yang terlibat sebelum menghargakan tendernya kerana sebarang bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.*

| BIL | BUTIRAN KERJA | UNIT | KUANTITI<br>(a) | KADAR<br>(RM)<br>(b) | JUMLAH HARGA<br>(RM)<br>(c = a x b) |
|---|---|---|---|---|---|
| | **COLLECTION PAGE** | | | | |
| | **<u>TO COLLECTION - PAMERAN BONSAI</u>** | | | | |
| | **PB 1/2** | | | | 90,000.00 |
| | **HIMPUNAN DI BAWA KE RINGKASAN HARGA (RH 1/1 )** | | | | 90,000.00 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**BILL OF QUANTITIES**

**CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**NO. SEBUT HARGA : PPJ/SH(S)/JL/86/2023**

*Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam harga butiran-butiran lain. Kontraktor adalah dianggap telah memahami syarat-syarat tender dan spesifikasi untuk memastikan setiap bekalan yang terlibat sebelum menghargakan tendernya kerana sebarang bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.*

| BIL | BUTIRAN KERJA | UNIT | KUANTITI (a) | KADAR (RM) (b) | JUMLAH HARGA (RM) (c = a x b) |
|---|---|---|---|---|---|
| 4.0 | **DEMONSTRASI DAN AKTIVITI** | | | | |
| | Membekal ,menyediakan dan mengurus sesi demonstrasi dan aktiviti diatas pentas utama Anjung sepanjang Orkid Putrajaya berlangsung selama 7 hari dan tertakluk kepada kelulusan pihak Perbadanan Putrajaya. | Sum | 1 | 24,550.00 | 24,550.00 |
| | i. Demonstrasi gubahan bunga | | | | |
| | ii. Bicara Orkid | | | | |
| | iii. Teknik Gubahan dan Penjagaan Bonsai | | | | |
| | **TO COLLECTION (DA 2/2)** | | | | 24,550.00 |

**PERBADANAN PUTRAJAYA**

**BILL OF QUANTITIES**

**CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**NO. SEBUT HARGA : PPJ/SH(S)/JL/86/2023**

*Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam harga butiran-butiran lain. Kontraktor adalah dianggap telah memahami syarat-syarat tender dan spesifikasi untuk memastikan setiap bekalan yang terlibat sebelum menghargakan tendernya kerana sebarang bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.*

| BIL | BUTIRAN KERJA | UNIT | KUANTITI<br>(a) | KADAR<br>(RM)<br>(b) | JUMLAH HARGA<br>(RM)<br>(c = a x b) |
|---|---|---|---|---|---|
| | **COLLECTION PAGE** | | | | |
| | **TO COLLECTION - DEMONSTRASI DAN AKTIVITI** | | | | |
| | DA 1/2 | | | | 24,550.00 |
| | **HIMPUNAN DI BAWA KE RINGKASAN HARGA (RH 1/1 )** | | | | 24,550.00 |

PERBADANAN PUTRAJAYA

# CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

**(NO. SEBUT HARGA : PPj/SH(S)/J(L)/86/2023)**

## SKOP KERJA

PERBADANAN PUTRAJAYA

# SKOP KERJA/SPESIFIKASI

**CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**NO. SEBUT HARGA : PPj/SH(S)/JL/86/2023**

| ITEM | TAJUK | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1.0 | Piawaian | Kecuali jika dinyatakan, semua kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mengikut penentuan yang ditetapkan oleh pembuat dan mengikut kaedah oleh Perbadanan Putrajaya |
| 2.0 | Liputan kerja | Sebut Harga ini meliputi segala keperluan tenaga pekerja, jentera, pengangkutan dan peralatan bagi menjayakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut sebagaimana yang disenaraikan di Ringkasan Harga. |
| 3.0 | Keselamatan | Penyebut Harga perlu sentiasa mengawasi dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa kerja terutamanya keselamatan awam dan seumpamanya seperti menyediakan papan-tanda amaran, tali rentang, penghadang (*barrier*) dan lain-lain yang berkaitan. |
| 4.0 | Gangguan | Sewaktu kerja dijalankan, Penyebut Harga hendaklah sentiasa meminimakan gangguan kepada pengguna dan orang ramai. |
| 5.0 | Bahan | Semua bahan-bahan yang digunakan hendaklah diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya; dan peralatan permainan kanak-kanak mestilah mematuhi *Malaysian Standard* (MS 966: Part 1: 2001 dan MS 966: Part 2: 2001) yang dikeluarkan oleh SIRIM. |
| 6.0 | Kebersihanan dan penyelenggaraan kawasan tapak | Penyebut Harga perlu memastikan kawasan yang digunakan sentiasa bersih semasa kerja dijalankan, diselenggarakan dengan sempurna dan dibersihkan sesudah sesuatu kerja itu dijalankan. |
| 7.0 | Perabot Landskap | Semua perabot landskap hendaklah diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya. |
| 8.0 | Kebenaran kelulusan permit / Kerja-kerja Landskap | Semua kerja-kerja perlu mendapat Kelulusan Perbadanan Putrajaya. |

SPESIFIKASI

# 1.0 PENDAHULUAN

## 1.1 Matlamat

Matlamat spesifikasi ini adalah untuk melaksanakan Cadangan Pelaksanaan Pengisian *Indoor Showcase* Sempena Penganjuran Orkid Putrajaya 2023 Di Taman Botani Putrajaya Presint 1, Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya yang akan berlangsung dari 14 Disember 2023 hingga 20 Disember 2023 selama 7 hari mengikut konsep sepertimana yang dinyatakan dengan kerja-kerja yang berkualiti, menarik serta dapat memberikan impak sepertimana konsep reka bentuk yang dikehendaki. Selain daripada itu, elemen lain yang tidak dinyatakan akan tetapi merupakan sebahagian daripada komponen yang biasanya diperlukan bagi menjayakan matlamat tersebut adalah merupakan sebahagian daripada kerja yang perlu dilaksanakan. Kerja-kerja ini adalah kerja-kerja segera yang mesti disiapkan **sebelum atau pada 13 Disember 2023** seperti yang ditentukan.

Tempoh yang ditetapkan adalah tempoh penyediaan tapak, termasuk penyelenggaraan sepanjang tempoh acara Orkid Putrajaya 2023 berlangsung dan tempoh kerja-kerja melupus dan membersihkan kawasan kepada tapak asal.

| | |
|---|---|
| Penyediaan Pelan, Rekabentuk, Bahan Pembentangan, Pembekalan orkid, bonsai, Pemindahan , Persiapan dan Pembinaan Tapak | 60 hari<br>(24 Oktober – 13 Disember 2023) |
| Orkid Putrajaya 2023 | 7 hari<br>(14 Disember hingga 20 Disember 2023) |
| Pelupusan dan Pembersihan Tapak | 6 hari<br>(21 Disember hingga 26 Disember 2023) |

**Tempoh ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa*

Wakil Perbadanan mempunyai hak untuk melaksanakan apa-apa perubahan di tapak atau pertukaran yang wajar bagi memastikan pelaksanaannya bersesuaian sepertimana keadaan tapak dan juga matlamat yang hendak dicapai menurut sepertimana Skop Kerja yang meliputi perkara-perkara berikut:

a) Kerja-kerja Permulaan/ Preliminari

b) Menyediakan Laporan Kerja bagi merekodkan semua aktiviti sebelum, semasa dan selepas pembinaan tapak.

c) Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi sepanjang tempoh kontrak (60 hari) bagi melaksanakan kerja-kerja di tapak sehingga siap sepenuhnya termasuk semasa sepanjang Orkid Putrajaya 2023 dan tempoh pelupusan tapak. Pekerja-pekerja yang disediakan perlu mengikut jadual daripada 9.00 pagi sehingga 11.00 malam.

d) Melaksanakan kerja-kerja kebersihan dan pencucian kawasan supaya kawasan tapak pembinaan sentiasa bersih dan menarik.

e) Membekal, menyediakan, merekabentuk kawasan pameran, menghantar, menggubah, menanam, menyiapkan serta menyelenggara tanaman orkid, bonsai, dan sebagainya termasuk menyediakan bekalan bahan, peralatan, jentera, mesin, pekerja dan sebagainya bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja tersebut termasuk kebersihan mengikut reka bentuk dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

f) Membekal dan menyusun pokok orkid, bonsai, dan sebagainya yang berkaitan seperti yang tersenarai di dalam Ringkasan Sebut Harga atau setara dengannya bagi mendapatkan imej / bentuk pameran / gubahan yang dicadangkan mengikut reka bentuk yang ditetapkan oleh Perbadanan.

g) Membekal, menyiapkan, menyelenggara dan melupus keseluruhan / sebahagian binaan / struktur / komponen, gubahan bunga-bungaan serta hiasan yang terdapat di keseluruhan tapak tanpa prejudis mengambilkira mana-mana binaan / struktur-struktur / komponen-komponen binaan yang difikirkan perlu dan masih bernilai / berharga untuk kepentingan Perbadanan.

h) Memastikan aspek kebersihan, keselamatan, keselesaan dan keceriaan kawasan landskap sentiasa terjamin semasa kerja dijalankan, sepanjang pameran berlangsung serta membersihkan kawasan selepas acara termasuk kerja-kerja membersih, *dismantle* struktur / kerangka, melupus serta menyediakan kemudahan pekerja beserta pengangkutan yang mencukupi disamping kerja-kerja lain berkaitan dengan mengembalikan mana-mana struktur-struktur / komponen-komponen binaan yang difikirkan perlu dihantar ke stor Perbadanan untuk tujuan simpanan melalui sistem inventori yang teliti dan memuaskan.

i) Memastikan bekalan tanaman pokok orkid, bonsai, dan lain-lain tanaman berkaitan dan sebagainya yang dibekalkan di tapak dalam keadaan baik, subur dan sihat.

Selain daripada itu, elemen lain yang tidak dinyatakan tetapi merupakan sebahagian dari komponen yang biasanya diperlukan bagi menjayakan

matlamat tersebut adalah merupakan sebahagian daripada kerja yang perlu dilaksanakan. Wakil Perbadanan mempunyai hak untuk melaksanakan apa-apa perubahan di tapak atau pertukaran yang wajar bagi memastikan perlaksanaannya bersesuaian sepertimana keadaan tapak dan juga matlamat yang hendak dicapai.

Penyelenggaraan landskap bagi semua elemen landskap lembut dan kejur perlu dijalankan dari masa ke semasa sebaik sahaja kerja-kerja pembinaan bermula dan juga disepanjang tempoh acara berlangsung sehingga tarikh akhir kerja-kerja pelupusan di tapak.

Kerja-kerja penyelenggaraan termasuklah menjalankan penyiraman, penggantian (sulaman) tanaman yang mati termasuk pokok orkid, bonsai, dan sebagainya yang berkaitan serta penyelenggaraan komponen landskap kejur serta lain-lain kerja yang berkaitan agar keadaan tapak sentiasa kelihatan terurus, menarik, bersih dan indah.

j. Jadual Skop Tanggungjawab

| SKOP TANGGUNGJAWAB PPj | SKOP TANGGUNGJAWAB PENYEBUT HARGA |
|---|---|
| Menyediakan ruang *Indoor* di Pusat Pelawat VIC dan Anjung Taman Botani Putrajaya. | Menyediakan pameran, pengisian, pertandingan, program dan aktiviti keseluruhannya. |
| Penyediaan bekalan elektrik dan punca kuasa. | Menyediakan hiasan orkid dan bunga-bungaan di dalam kawasan persekitaran Pusat Pelawat VIC dan Anjung. |
| Penyediaan *common lighting*. | Menyediakan hadiah wang tunai /*cash prizes* bagi setiap pertandingan. |
| Menyediakan pentas, audio visual, *backdrop*, kerusi dan meja serta papan tanda. | Menyediakan dan menguruskan penjurian untuk setiap pertandingan yang dipertandingkan. |
| Menyediakan Trofi dan Sijil Anugerah/Pertandingan. | Penyelenggaraan, keselamatan dan kebersihan sebelum, semasa dan selepas penganjuran. |
| Menyediakan makanan untuk juri pada hari penjurian. | |
| Menyediakan ruang kerja dan penyimpanan barang. | |

**1.2 Kerja-Kerja Berkaitan**

Pihak Penyebut Harga mestilah bertanggungjawab untuk menyediakan semua kerja-kerja yang dinyatakan di dalam Jadual Kadar Harga (BQ) dan hendaklah dilakukan sepenuhnya.

Kerja-kerja pembersihan termasuk pembuangan sampah hasil daripada kerja-kerja yang berkaitan di atas adalah di bawah tanggungan Pihak Penyebut Harga.

**1.3 *Quality Assurance***

**Peraturan dan undang-undang dari agensi berkaitan:**
Semua kerja-kerja hendaklah mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang diguna pakai oleh pihak berkuasa terbabit dengan peraturan dan undang-undang yang berkaitan ketika menjalankan kerja-kerja tersebut dan pihak Penyebut Harga juga perlu mengambilkira pemeriksaan dan permit yang diperlukan oleh pihak berkuasa dalam menjalankan kerja-kerja, pengangkutan serta lain-lain kerja berkaitan.

**1.4 Pengemukaan**

**a) Program Kerja**

Memandangkan kerja-kerja ini merupakan kerja segera yang perlu dilaksanakan dalam tempoh yang ditentukan, Penyebut Harga perlu merancang kerja-kerja dan kawasan yang hendak dilaksanakan dengan menentukan jumlah pekerja yang mencukupi, masa bekerja, bahan yang hendak digunakan serta keadaan cuaca. Program kerja dan kerja-kerja yang dilaksanakan mestilah dalam keadaan teratur, lancar, sistematik dan mengikut jadual serta tidak mengganggu lain-lain aktiviti semasa dan orang ramai.

**b) Gambar**

Penyebut Harga perlu mengemukakan gambar terhadap kerja-kerja yang dijalankan (gambar sebelum, semasa dan selepas perlaksanaan) serta kemajuan kerja-kerja yang dijalankan.

**c) Laporan**

Pihak Penyebut Harga perlu mengemukakan laporan kerja bergambar yang merangkumi keadaan sebelum, semasa dan selepas siap kerja yang menunjukkan kerja-kerja dijalankan (gambar berwarna serta bertarikh) sepertimana di dalam spesifikasi, senarai kuantiti (BQ) dan jadual/ program, kedatangan harian kakitangan di tapak, diari harian tapak, rekod harian cuaca, kemajuan kerja dan lain-lain maklumat yang difikirkan perlu.

d) **Tuntutan Bayaran**

Tuntutan bayaran hendaklah dikemukakan dengan lengkap setelah kerja siap sepenuhnya dan disertakan dengan laporan serta pengesahan daripada kedua-dua belah pihak ke atas kerja yang telah dilaksanakan.

## 1.5 Jadual Perlaksanaan

Pastikan jadual perlaksanaan dipatuhi dengan mengambil kira perkara-perkara yang mesti dilaksanakan sepertimana di dalam kontrak dan tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

- Kerja-kerja awalan di tapak (pembersihan kawasan tapak pameran dan sebagainya).
- Kerja-kerja pembinaan struktur dan rekabentuk pameran, gubahan bunga, laluan pengunjung, pintu masuk, papan tanda dan hiasan laman.
- Kerja-kerja pemasangan peralatan/ perabot landskap
- Pemeriksaan bekalan bahan, peralatan dan tanaman.
- Bekalan bahan tanaman dan media tanaman.
- Kerja-kerja penanaman dan hiasan landskap.
- Kebersihan kawasan semasa dan selepas siap kerja di tapak.
- Kerja-kerja penyelenggaraan sepanjang pameran berlangsung.
- Kerja-kerja melupus dan membersihkan kawasan tapak pameran.

Pihak Penyebut Harga perlulah merekodkan kerja-kerja yang dilakukan berdasarkan jadual kerja pada setiap hari selaras dengan kemajuan kerja. Jadual kerja perlulah sentiasa berada di tapak bagi tujuan pemeriksaan dan pemantauan kerja.

## 1.6 Koordinasi di Tapak

*Koordinasi*: Pihak Penyebut Harga perlu mendapatkan atau memberikan kerjasama bagi hal-hal yang berkaitan dengan koordinasi tapak dengan pihak lain jika ada bagi memastikan kerja-kerja dapat dijalankan dengan lancar. Sebarang kerja yang hendak dijalankan perlu dipastikan tidak akan mengganggu acara-acara yang sedang berlaku di kawasan penyelenggaraan dan sekitarnya.

*Halangan kemudahan utiliti*: Pastikan lokasi kemudahan utiliti di permukaan ataupun bawah tanah dan kemudahan lain yang memberi kesan (halangan) pada operasi kerja-kerja penyelenggaraan. Segala halangan yang dikenalpasti mestilah diberitahu kepada Pegawai Penguasa. Jika pihak Penyebut Harga cuai dengan menyebabkan kerosakan pada kemudahan-kemudahan yang ada, pihak Penyebut Harga perlulah mengganti ataupun membaikpulih kerosakan-kerosakan tersebut di atas tanggungan pihak Penyebut Harga sendiri. Pastikan kawasan penyelenggaraan/kawasan kerja sentiasa bersih dan kemas pada setiap masa.

### 1.7 Tenaga Kerja

Pihak Penyebut Harga perlu menyediakan tenaga kerja yang mencukupi bagi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan sepertimana spesifikasi. Tenaga kerja tersebut mestilah terdiri daripada buruh dan penyelia (dengan pengalaman yag cukup). Semua tenaga kerja yang disediakan adalah di bawah tanggungan pihak Penyebut Harga. Pastikan tenaga kerja adalah sah di sisi undang-undang.

## 2.0 PERLAKSANAAN KERJA

### 2.1 Pemeriksaan Tapak (sebelum memulakan kerja)

Pemeriksaan tapak perlu dilaksanakan sebelum sebarang kerja dijalankan. Jika tidak berpuashati, pihak Penyebut Harga perlulah memberitahu Wakil Perbadanan sebelum memulakan sebarang kerja. Dengan melaksanakan kerja, pihak Penyebut Harga dianggap telah berpuashati dengan keadaan yang diterimanya. Pihak Penyebut Harga perlu memberitahu Wakil Perbadanan dari masa ke semasa aktiviti yang hendak dijalankan sepertimana program dan satu perjumpaan di tapak boleh diatur mengikut keperluan tersebut.

### 2.2 Peralatan

Pihak Penyebut Harga perlulah menggunakan bahan dan peralatan yang sesuai dalam menjalankan aktiviti penyelenggaraan tersebut dan memastikan keperluan bahan dan peralatan tersebut berada di tapak sebelum sebarang kerja dilaksanakan.

### 2.3 Pemantauan Kerja

Perlaksanaan kerja akan dipantau dari semasa ke semasa oleh pihak Perbadanan. Sebarang isu dan masalah yang timbul hendaklah dilaporkan kepada Wakil Perbadanan. Laporan kedatangan, kerja serta kawasan kerja dan keadaan cuaca hendaklah diisi pada setiap hari dan ditandangani oleh pihak Penyebut Harga.

### 2.4 Kerja-Kerja Awalan

Kerja-kerja awalan adalah merangkumi perkara-perkara sepertimana keperluan dalam jadual harga serta sebarang kerja permulaan bagi perlaksanaan kerja-kerja tersebut. Pastikan tenaga kerja yang mahir dan mencukupi serta penggunaan peralatan yang bersesuaian. Kerja-kerja awalan di tapak adalah meliputi:

a. Kerja-kerja awalan di tapak (pembersihan kawasan tapak pameran dan sebagainya).
b. Kerja-kerja pembinaan struktur binaan, gubahan bunga, laluan pengunjung, hiasan gerbang/ pintu masuk, papan tanda dan hiasan landskap/ laman.
c. Kerja-kerja pemasangan peralatan/ perabot landskap, lampu dan sebagainya.

### 2.5 Kerja-kerja Membekal, Menggubah dan Menghias Bunga-Bungaan pada Struktur Binaan dan Kawasan Pameran

Kerja membekal, menggubah dan menghias bunga-bungaan pada struktur binaan dan kawasan pameran mestilah mengikut pelan sepertimana yang disertakan. Sebarang perubahan ke atas lokasi penanaman dan hiasan perlulah dirujuk dan mendapat kelulusan dari pihak Perbadanan. Pihak Penyebut Harga perlu melaksanakan kerja-kerja *setting out* bagi menentukan lokasi penanaman dan keperluan kerja lain dan mendapatkan kelulusan dari pihak Perbadanan sebelum kerja tersebut dilaksanakan.

### 2.6 Kebersihan Kawasan

Semua kawasan di dalam skop kerja mestilah dibersihkan setiap hari daripada segala kekotoran yang terhasil semasa perlaksanaan kerja. Segala sampah yang mencacatkan pandangan perlulah di kutip dan dibuang dengan segera. Pihak Penyebut Harga perlu memastikan penggunaan peralatan yang sesuai bagi kerja-kerja ini. Sampah yang dikutip dan dibungkus dengan plastik ataupun dengan kaedah lain tidak boleh dilonggok di kawasan yang boleh mencacatkan pandangan. Segala sampah hendaklah dibuang pada setiap hari. Jalan, laluan pejalan kaki dan sistem perparitan sedia ada perlulah dicuci dengan segera jika terdapat kotoran akibat dari perlaksanaan kerja tersebut seperti lumpur dan sebagainya dengan segera.

## 3.0 PEMERIKSAAN

Pelaksanaan kerja akan dipantau dari semasa ke semasa oleh Pihak Perbadanan. Sebarang isu dan masalah yang timbul hendaklah dilaporkan kepada wakil Perbadanan. Laporan kerja hendaklah diisi pada setiap hari dan ditandangani oleh pihak Penyebutharga Yang Berjaya.

Perbadanan akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan pemeriksaan terhadap kualiti kerja yang dijalankan. Ini termasuk kerja-kerja harian secara rutin seperti kebersihan, kehadiran tenaga kerja, bahan serta peralatan, kaedah yang digunakan serta kerja-kerja yang sepatutnya mengikut program sepertimana yang dikemukakan. Apabila pemeriksaan dilakukan oleh pihak Perbadanan, wakil pihak Penyebut Harga hendaklah hadir sama.

Ulasan yang dikemukakan oleh Perbadanan hendaklah dilaksanakan sepertimana arahan dan penolakan terhadap tuntutan kerja boleh dilakukan bilamana kerja yang dilaksanakan tidak mencapai objektif serta kualiti perlaksanaan tersebut.
Pada akhir kerja, pemeriksaan akan dijalankan bagi tujuan:

- Menerima laporan, memeriksa dan menilai kemajuan serta mutu kerja sepertimana skop kerja dan spesifikasi.
- Jika keseluruhan atau sebahagian daripada kerja-kerja tersebut tidak menepati mutu kerja dan spesifikasi menurut penilaian Pegawai Penguasa, maka Perbadanan berhak menolak bayaran keatas kerja-kerja yang tidak dilaksanakan ataupun tidak memuaskan menurut kadar yang sepertimana yang berkaitan.
- Pembayaran ke atas kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan diterima dengan memuaskan akan dibuat berdasarkan tuntutan pembayaran yang lengkap dari pihak Penyebut Harga.

## 4.0 TANGGUNGAN KECACATAN PERALATAN

Pihak Penyebut Harga perlu menanggung tanggungjawab kecacatan ke atas pameran dan hiasan landskap tersebut sepanjang tempoh pameran / acara dan selepas program / acara tersebut berakhir.

## 5.0 PEMBAIKAN KEROSAKAN AKIBAT KERJA-KERJA DIJALANKAN

Pihak Penyebut Harga hendaklah membaiki segala kerosakan akibat kerja-kerja yang dijalankan / dilakukan oleh penyebut harga samada ke atas kawasan sekitar tapak, jalan atau laluan sedia ada, kawasan landskap bersebelahan dan komponen landskap sedia ada dan lain-lain kemudahan awam dan menanggung segala kos yang terlibat.

## 6.0 PENYELENGGARAAN / PEMBERSIHAN / PELUPUSAN TAPAK

Pihak Penyebut Harga perlu menyediakan tenaga kerja yang mencukupi (rujuk senarai kuantiti) bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan seperti memastikan kebersihan / kekemasan tapak pameran, penyiraman, penyulaman tanaman dan lain-lain kerja yang diarahkan oleh Wakil Perbadanan sepanjang tempoh penganjuran Orkid Putrajaya 2023. Manakala selepas tamat tempoh pelaksanaan Orkid Putrajaya 2023, pihak Penyebut harga perlu menyediakan tenaga kerja, peralatan dan jentera yang mencukupi untuk membersih, melupuskan bahan tanaman / peralatan / struktur binaan dan memindahkan tanaman ke lokasi (Nurseri Perbadanan Putrajaya) mengikut arahan sepertimana yang diarahkan oleh Wakil Perbadanan Putrajaya.

## SKOP KERJA

**NO. SEBUT HARGA : PPj/SH(S)/JL/86/2023**

**PERKARA : CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**TEMPOH SEBUT HARGA : 60 HARI**

### KEPERLUAN AM

1. Kontraktor perlu menjalankan kerja-kerja pembekalan & perkhidmatan sepertimana perkara dinyatakan untuk Pelaksanaan Pengisian *Indoor Showcase* Sempena Penganjuran Orkid Putrajaya 2023 Di Taman Botani Putrajaya Presint 1, Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 14 hingga 20 Disember 2023.

2. Kontraktor hendaklah menyedia dan menghantar pelan rekabentuk bersaiz A4 berwarna dalam dua (2) salinan *hardcopy*.

3. Kontraktor hendaklah memastikan sekurang-kurangnya dua (2) penyelia / *coordinator* yang mempunyai pengalaman, sentiasa berada di tapak sepanjang pembekalan & perkhidmatan ini dilaksanakan.

4. Skop kerja utama seperti yang dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti adalah seperti berikut;
   i. Kehendak permulaan dan syarat-syarat am (preliminaries).
   ii. Menyediakan reka bentuk '*Indoor Showcase*' yang meliputi pengisian aktiviti, pertandingan dan pameran bunga.

**SKOP KERJA**

1. **Pameran dan Pertandingan Orkid**

   i. Menyediakan lebih dari 500-600 nos bunga-bunga orkid dari pelbagai spesies dan hybrid;
   ii. Mengurus, menyedia dan mengelolakan sekurang-kurangnya 7 pameran orkid antarabangsa;
   iii. Menyedia dan menguruskan kategori-kategori anugerah, hadiah serta penjurian bagi orkid yang dipertandingkan;
   iv. Menyediakan dan membekal tenaga kerja bagi melaksanakan kerja-kerja penyediaan, penyusunan dan hiasan di kawasan 'pertandingan orkid dan pameran orkid untuk tempoh 7 hari sebelum, semasa dan selepas penganjuran ORKID PUTRAJAYA 2023 termasuk kerja-kerja penjagaan orkid, penyulaman orkid yang mati dan tidak segar, penyiraman, kebersihan, *upkeeping*, pengangkutan bekalan bunga dan kerja-kerja lain yang berkaitan;
   v. Menyediakan kawalan keselamatan untuk pameran dan dekorasi bunga-bunga orkid/peralatan/struktur di tapak pameran termasuk peralatan, pengawal keselamatan dan lain-lain keperluan berkaitan;
   vi. Menyedia dan melaksanakan pengurusan kebersihan di tapak pameran yang melibatkan kebersihan di kawasan pameran sepanjang tempoh kontrak termasuk penyediaan peralatan, pekerja, bahan kebersihan bagi memastikan kawasan pameran sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.

2. **Pameran Bonsai**

   i. Mendapatkan penyertaan peserta bagi pameran bonsai;
   ii. Mengurus, menyedia dan melaksanakan keperluan dan bahan-bahan bagi pameran Bonsai lebih kurang 100-120 pokok;
   iii. Mengurus, menyelaras dan memastikan perjalanan pameran Bonsai adalah teratur dan mengikut jadual ditetapkan;
   iv. Memastikan segala peralatan sokongan yang diperlukan bagi pameran adalah dalam keadaan baik dan teratur bagi pelaksanaan program serta demonstrasi berkaitan;

v. Menyelaras dan menguruskan kakitangan yang mencukupi untuk perjalanan pameran Bonsai serta demonstrasi;

vi. Menyediakan dan membekal tenaga kerja bagi melaksanakan kerja-kerja penyediaan, penyusunan, penyiraman dan pencahayaan di kawasan pameran bonsai untuk tempoh 7 hari sebelum, semasa dan selepas penganjuran ORKID PUTRAJAYA 2023 termasuk kerja-kerja penjagaan bonsai, kebersihan, pengangkutan dan penerimaan pokok dan kerja-kerja lain yang berkaitan;

vii. Menyediakan kawalan keselamatan untuk pameran dan dekorasi bonsai di tapak termasuk peralatan, pengawal keselamatan untuk sepanjang hari siang dan malam dan lain-lain keperluan berkaitan.

**3. Demonstrasi dan Aktiviti**

i. Menyedia dan mengurus penceramah, demonstrasi dan kelas gubahan bunga orkid dan bonsai sekurang-kurangnya 10 sesi demonstrasi dan program sepanjang 7 hari pameran berlangsung.

# NEED STATEMENT

| SKOP TANGGUNGJAWAB PPj | SKOP TANGGUNGJAWAB PENYEBUT HARGA |
|---|---|
| 1. Menyediakan ruang *Indoor* di Pusat Pelawat VIC dan Anjung Taman Botani Putrajaya. | 1. Menyediakan pameran, pengisian, pertandingan, program dan aktiviti keseluruhannya. |
| 2. Penyediaan bekalan elektrik dan punca kuasa. | 2. Menyediakan hiasan orkid dan bunga-bungaan di dalam kawasan persekitaran Pusat Pelawat VIC dan Anjung. |
| 3. Penyediaan *common lighting*. | 3. Menyediakan hadiah wang tunai /*cash prizes* bagi setiap pertandingan. |
| 4. Menyediakan pentas, audio visual, *backdrop*, kerusi dan meja serta papan tanda. | 4. Menyediakan dan menguruskan penjurian untuk setiap pertandingan yang dipertandingkan. |
| 5. Menyediakan trofi dan sijil anugerah/pertandingan. | 5. Penyelenggaraan, keselamatan dan kebersihan sebelum, semasa dan selepas penganjuran. |
| 6. Menyediakan makanan untuk juri pada hari penjurian. | |
| 7. Menyediakan ruang kerja dan penyimpanan barang. | |

PERBADANAN PUTRAJAYA

# CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

## (NO. SEBUT HARGA : PPj/SH(S)/J(L)/86/2023)

## LAMPIRAN B

MUTU PANCARAN SDN BHD

**Mutu Pancaran Sdn Bhd** (1073351-T) D-G-09,
Menara D, Savanna Lifestyle Retail, Jalan BBLS 2,
Southville City, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan
Tel: +603-8913 9575
mutupancaran.mp@gmail.com
www.mutupancaran.com

RECEIVED
28 DEC 2023
NAIB PRESIDEN (LANDSKAP DAN TAMAN) PERBADANAN PUTRAJAYA

# INVOICE

**PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675 Putrajaya
MALAYSIA

u/p: JABATAN LANDSKAP DAN TAMAN

Rujukan Kami : **VO/PPJ/12/2023**
Tarikh : 27/12/2023

TERIMA
29 DEC 2023
JABATAN LANDSKAP DAN TAMAN

**VO (VARIATION ORDER) @ TAMBAHAN KERJA UNTUK PENGURUSAN ACARA PELAKSANAAN PENGISIAN INDOOR SHOWCASE SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PPj/SH(S)/JL/86/2023), LANJUTAN SELAMA EMPAT (4) HARI BERMULA 21 DISEMBER 2023 (KHAMIS) SEHINGGA 24 DISEMBER 2023 (AHAD)**

| PENERANGAN | KUANTITI | UOM | HARGA | BIL. HARI | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tuntutan bayaran bagi kerja :**<br>Penambahan Kerja Bagi Lanjutan Indoor Showcase Selama Empat (4) Hari Bermula 21 Disember 2023 (Khamis) Sehingga 24 Disember 2023 (Ahad) | 1 | L/S | 8,750.00 | 4 Hari | 35,000.00 |

| | | |
|---|---|---|
| **JUMLAH** | | **35,000.00** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **RM** | **35,000.00** |

Pengurusan:

MUTU PANCARAN SDN BHD 1073351 T

Mohamad Fakhrul Hakim bin Zahar
Pengarah
Mutu Pancaran Sdn Bhd

Di Sahkan oleh:

**MARIANA BINTI ABDUL MALIK**
**Penolong Pengarah**
**Bahagian Pengurusan Hortikultur**
**Jabatan Landskap dan Taman**
**PERBADANAN PUTRAJAYA**

Nama:
Jawatan:
Tarikh: 2.1.2024

**CADANGAN PERLAKSANAAN PENGISIAN INDOOR SHOWCASE SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**PENAMBAHAN KERJA BAGI LANJUTAN INDOOR SHOWCASE SELAMA EMPAT (4) HARI BERMULA 21 DISEMBER 2023 (KHAMIS) SEHINGGA 24 DISEMBER 2023(AHAD)**

| BIL | BUTIRAN KERJA | JUMLAH HARI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|
| A. | **ZON PAMERAN ORKID** | | | |
| | a) Zon - Main Entrance Floral Art Piece<br>b) Zon - Floral Art Showcase (Replace Mannequin)<br>c) Zon - Orchids Landscape @ Asia Orchids<br>d) Zon - Sekitar Laluan ke Kawasan Pertandingan Orkid<br>e) Zon - Bonsai Indoor<br>f) Zon - Pentas Photobooth dan Meja VVIP | | | |
| 1.0 | Mengurus, membekal, merekabentuk dan menyediakan pameran orkid di dalam kawasan VIC termasuk kos pentadbiran dan pengangkutan. | 4 | 1,800.00 | 7,200.00 |
| 2.0 | Mengurus dan membekal tenaga pekerja penyelengaraan, operasi dan pengantian bunga untuk keseluruhan pameran orkid<br>*RM 300.00 x 4 orang pekerja* | 4 | 1,200.00 | 4,800.00 |
| 3.0 | Menyediakan sistem pencahayaan di sekitar kawasan pameran orkid. | | | |
| | *a) Par Can Light : 40 unit x RM 22.00 = RM 880/hari* | 4 | 880.00 | 3,520.00 |
| | *b) City Color : 4 unit x RM 92.50 = RM 500.00/hari* | 4 | 500.00 | 2,000.00 |
| 4.0 | Mengurus dan menyediakan hiasan (prop) di sekitar kawasan pameran orkid. | 4 | 870.00 | 3,480.00 |
| 5.0 | Mengurus dan menyediakan pekerja pembersihan dan pengangkutan penghantaran hiasan (prop) Pameran Pertandingan Orkid di dalam VIC.<br>*RM 300.00 x 8 orang pekerja*<br>*Pengangkutan RM 400.00 x 2 hala* | 1 | 3,200.00 | 3,200.00 |
| B. | **ZON PAMERAN PERTANDINGAN ORKID** | | | |
| 1.0 | Mengurus dan menyediakan Pameran Pertandingan Orkid di dalam VIC<br>*RM 5.00 x 300 pokok* | 4 | 1,500.00 | 6,000.00 |
| 2.0 | Mengurus dan menyediakan kelengkapan struktur, seksyen pameran untuk Pameran Pertandingan Orkid di dalam VIC<br>*Orchids hanging rack : RM 112.50 x 4 nos* | 4 | 450.00 | 1,800.00 |
| 3.0 | Mengurus dan menyelenggara termasuk membersih dan menyiram pokok Pameran Pertandingan Orkid di dalam VIC | 4 | 500.00 | 2,000.00 |
| 4.0 | Mengurus dan menyediakan pengangkutan penghantaran semula pokok Pameran Pertandingan Orkid di dalam VIC kepada peserta pertandingan | 1 | 1,000.00 | 1,000.00 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN (RM) :** | | | **35,000.00** |

PERBADANAN PUTRAJAYA

**CADANGAN PELAKSANAAN PENGISIAN *INDOOR SHOWCASE* SEMPENA PENGANJURAN ORKID PUTRAJAYA 2023 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**(NO. SEBUT HARGA : PPj/SH(S)/J(L)/86/2023)**

# SURAT MAKLUMAN

**PERBADANAN PUTRAJAYA**
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana
Presint 3
62675 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 603-8887 7000
Faks : 603-8881 1008
Laman Web : www.ppj.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PPj/SH(S)/JL/86/2023 ( 4)

Tarikh : 21 Disember 2023
Jamadilakhir 1445

**MUTU PANCARAN SDN BHD**
D-G-09 Menara D,
Savanna Lifestyle Retail,
Jalan BBLS 2, Southvile City,
43800 Dengkil,
Selangor Darus Ehsan.
**(u.p.: En. Mohamad Fakhrul Hakim bin Zahar)** **Tel : 03- 89139575**

Tuan,

**MAKLUMAN PELANJUTAN FESTIVAL ORKID PUTRAJAYA 2023**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Susulan daripada lawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa ke **Festival Orkid Putrajaya pada** ~~**pada**~~ **20 Disember 2023,** telah mengumumkan Festival Orkid Putrajaya **2023 dilanjutkan selama 4 hari** lagi iaitu dari **21 sehingga 24 Disember 2023 (Ahad)** bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk berkunjung sempena musim cuti sekolah ini.

3. Sehubungan dengan itu, adalah dimohon pihak Tuan untuk memberikan kerjasama dan komitmen sepanjang tempoh pelanjutan ini. Pihak Tuan juga perlu mengemukakan kos tambahan kerja (VO) untuk tindakan selanjutnya.

4. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BANDAR RAYA BESTARI, KEHIDUPAN BERKUALITI"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MUSTAFA KAMAL BIN ISMAIL)**
b.p Naib Presiden,
Jabatan Landskap dan Taman
b.p. Presiden
Perbadanan Putrajaya